

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : -

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh manakah kes usikan meter elektrik berlaku dalam Kuala Lumpur, berapakah yang dapat diselesaikan dan kes yang dibawa ke mahkamah sepanjang 3 tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Secara amnya, kes usikan pemasangan meter Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang bertujuan mendapatkan bekalan elektrik secara tidak sah merupakan antara faktor penyumbang kepada kehilangan hasil syarikat utiliti. Dalam hal ini, TNB telah menjalankan proses pemeriksaan ke atas kes usikan pemasangan meter dengan mematuhi Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2015 dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga. Selain itu, bagi memastikan kes usikan meter adalah benar dan tidak menganiayai mana-mana pengguna, pihak TNB perlu melaporkan perkara tersebut kepada pihak Suruhanjaya Tenaga selaku badan kawal selia bekalan elektrik negara untuk tujuan pengesahan, sebelum tindakan selanjutnya boleh diambil.
2. Berdasarkan statistik sehingga Januari 2016, terdapat seramai 1,138,058 pengguna berdaftar di TNB Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan sebanyak 0.26% (2,959 pengguna) terlibat dengan kes usikan pemasangan meter yang dikesan dalam

tempoh 3 tahun lepas. Statistik kes usikan pemasangan meter mengikut peringkat tindakan diperincikan seperti berikut:

Kategori Tindakan	Tahun Kew. 2015 (Bil Kes)	Tahun Kew. 2014 (Bil Kes)	Tahun Kew. 2013 (Bil Kes)
Bil. Keseluruhan Kes Usikan Pemasangan Meter	3,180	2,569	2,957
Bil. DiBawa Ke Mahkamah	263	141	223
Bil. Selesai Luar Mahkamah	629	441	831
Bil. Dalam Proses Tuntutan dan Rundingan	2,288	1,987	1,903
Bil. Berulang	521	296	131

3. Kerajaan mengambil berat mengenai kes usikan pemasangan meter ini memandangkan ianya boleh mengundang bahaya, meningkatkan risiko kemalangan dan kerosakan harta benda. Sehubungan itu, pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) dan TNB telah diminta untuk melaksanakan pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan kes-kes sedemikian dapat dibendung.
